

# Anwar teguh perjuang kebebasan kehakiman

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sentiasa teguh dalam memperjuangkan kebebasan badan kehakiman, walaupun beliau pernah menjadi mangsa kepada sistem kehakiman yang dipengaruhi oleh agenda politik, kata Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim.

Dalam hantaran di platform X, Muhammad Kamil menekankan terdapat individu tertentu yang menyamar sebagai pengamal undang-undang telah memutarbelitkan kenyataan Ketua Hakim Negara Tun Tengku-Maimun Tuan Mat, ketika Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025.

Beliau memberi penekanan

bahawa ucapan Tengku Maimun yang memberikan nasihat mendalam dan membina telah diterima dengan baik oleh kerajaan.

“Manipulasi yang sengaja dilakukan ini merosakkan kebebasan kehakiman dan bertujuan untuk menggambarkan Kerajaan MADANI dengan cara yang tidak adil berbanding dengan pentadbiran sebelumnya,” katanya.

Beliau berkata, ia adalah perbuatan tidak bermoral untuk sengaja menyembunyikan kebenaran dan fakta berkaitan pencapaian usaha Kerajaan MADANI



Muhammad Kamil

dalam memelihara kebebasan kehakiman.

“Mereka kelihatan telah mengabaikan pencapaian penting Malaysia yang meningkat 23 anak tangga dalam Indeks Keadaulatan Undang-Undang di bawah pentadbiran semasa pada 2023, seperti yang ditunjukkan oleh Ketua

Hakim Negara dalam ucapannya,” katanya.

Sebagai respons kepada kenyataan bersama oleh sembilan bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia, Muhammad Kamil menolak dakwaan bahawa Kerajaan MADANI ketinggalan

berbanding pentadbiran sebelumnya dalam menegakkan kebebasan kehakiman.

Beliau menyentuh tentang tempoh penuh cabaran di bawah pentadbiran terdahulu, termasuk krisis Perlembagaan dan ancaman terhadap institusi kehakiman.

“Ketua Hakim Negara membincangkan kekalutan pada 2020 termasuk peletakan jawatan mengejut Perdana Menteri ketujuh, pengisytiharan darurat, kesukaran perlembagaan, dan cabaran terhadap kehakiman.

“Mengapa mereka abai aspek ini dan menganggap kerajaan semasa lebih rendah berbanding tiga pentadbiran yang muncul akibat pengkhianatan mandat rakyat pada 2018?” katanya.

Beliau menggambarkan kenyataan itu sebagai taktik yang menyesatkan bertujuan mencipta persepsi yang salah dan negatif terhadap Kerajaan MADANI, yang bertentangan dengan realiti semasa.

“Adalah amat memalukan bagi mereka, yang sepatutnya arif tentang undang-undang, kerana mereka gagal menjelaskan secara langsung asas kepada dakwaan berkenaan,” katanya.

Muhammad Kamil berkata pengamal undang-undang seharusnya mematuhi tanggungjawab untuk menghormati undang-undang dan menghindari membuat dakwaan yang tidak berasas yang boleh mencemarkan reputasi kerajaan.

BERNAMA